

09 NOV 1998

Enjin-Lancar

ENJIN AUTOMOTIF PROTOTAIP PERTAMA MALAYSIA LANCAR

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Enjin automotif prototaip pertama Malaysia "PETRONAS E01e" untuk kenderaan komersil dilancarkan malam ini pada satu majlis yang penuh gemilang di sebuah hotel di KLCC di sini.

Pelancarannya dilakukan oleh Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin bagi pihak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tidak dapat hadir.

Enjin itu telah dipasang dan diuji pada kereta Proton Satria dan Proton Lotus Elise.

Enjin berkuasa 2000 cc yang berpretasi tinggi itu direkabentuk dan dimajukan oleh 15 jurutera Petronas lanjutan daripada Petronas menjadi penaja utama pasukan lumba kereta Formula One Red Bull-Sauber-Petronas pada tahun 1995.

Penajaan Formula One itu membabitkan perkongsian berterusan antara Petronas dengan Sauber, sebuah syarikat teknologi kejuruteraan automotif Swiss dengan tertubuhnya sebuah syarikat usahasama 40:60 yang dikenali sebagai Sauber Petronas Engineering AG (SPE).

SPE yang pada mulanya ditubuhkan untuk memenuhi keperluan kejuruteraan pasukan lumba kereta Formula One Red Bull-Sauber-Petronas kemudian menjurus kepada kerjasama dalam bidang lain termasuk pemindahan teknologi dan merekabentuk serta memajukan enjin komersil terkini.

Projek enjin komersil itu dilancarkan dengan matlamat serampang dua mata iaitu menggunakan kepakaran teknologi Formula One untuk merekabentuk dan memajukan sebuah enjin prototaip bagi Petronas dan untuk mencapai tahap pemindahan teknologi dan keupayaan yang berkesan bagi Malaysia dengan melibatkan jurutera Petronas dalam projek itu.

Kerja-kerja menghasilkan prototaip itu bermula pada Mac 1997 dengan penglibatan sepenuhnya jurutera Petronas merekabentuk dan menganalisis enjin bersama-sama dengan rakan kongsi pembangunan.

Upacara menghidupkan enjin dibuat pada 20 Feb lepas dan empat bulan kemudian pada 23 Jun enjin prototaip Malaysia itu dipasang dalam dua buah kereta yang berlainan dan diujipandu di Sirkuit Johor Baharu di Pasir Gudang.

Pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin dalam ucapannya pada majlis pelancaran itu berkata, pelancaran enjin prototaip Malaysia itu merupakan satu langkah untuk memperkenalkan jenama syarikat dan negara Malaysia di arena antarabangsa.

Dr Mahathir dalam perutusannya dalam buku cenderamata majlis pelancaran itu berkata dengan terciptanya enjin prototaip itu, Malaysia akan melangkah setapak lagi ke arah membangunkan sebuah industri automotif yang kompetitif.

Perdana Menteri berkata, walaupun sebahagian besar komponen yang digunakan dalam pengeluaran kereta Proton dihasilkan dalam negara, satu daripada komponen penting iaitu enjinnya masih diimport.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Petronas atas inisiatifnya mempelopori usaha itu.

-- BERNAMA

AFY AKD